

BAB 5 : LATIHAN TOPIKAL 5.1
JAWAB SEMUA SOALAN

1. Nyatakan 4 komponen utama yang membentuk bumi.

- a) _____
- b) _____
- c) _____
- d) _____

2. Apakah yang dimaksudkan dengan komponen?

3. Namakan sistem fizikal bumi berdasarkan ciri-ciri berikut.

Semua bahagian air di bumi yang merangkumi air laut, air sungai, air tasik, air paya, air bawah tanah dan litupan ais	_____
Lapisan luar bumi yang merangkumi kerak bumi dan bahagian atas mantel yang mengandungi pelbagai jenis mineral dan batuan.	_____
Lapisan udara yang menyelubungi bumi, mengandungi pelbagai jenis gas, habuk, debu, asap serta wap air.	_____
Kawasan kerak bumi dan bahagian atas mantel yang didiami oleh semua benda hidup iaitu manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan.	_____

4. Senaraikan 5 lapisan atmosfera bumi

- a) _____
- b) _____
- c) _____
- d) _____

5. Namakan lapisan atmosfera yang melindungi bumi daripada sinaran ultraungu yang berbahaya kepada manusia.

6. Air meliputi _____ daripada permukaan bumi manakala 29% adalah _____.

7. Satelit komunikasi yang mengorbit bumi terletak di lapisan _____ yang membolehkan manusia menggunakan telefon dan siaran televisyen di bumi.